

**Rasionalisasi Perniagaan Bagi Unit Pelaburan Saham Cawangan Kapit dan Cawangan Jalan Central**

Selaras dengan pelan rasionalisasi perniagaan Bank, dimaklumkan bahawa Unit Pelaburan Saham bagi Cawangan Kapit dan Cawangan Jalan Central kami akan bergabung dan dipindahkan ke lokasi baharu seperti alamat di bawah, berkuat kuasa 1 Oktober 2020.

Alamat : UNIT PELABURAN SAHAM  
CAWANGAN JALAN CENTRAL,  
NO. 3, JALAN CENTRAL,  
96000 SIBU,  
SARAWAK.

Nombor Telefon : 084-313839

Nombor Faksimile : 084-313700

Selepas pemindahan tersebut, aktiviti dagangan saham dan transaksi untuk akaun PB Sharelink tuan/puan akan diurus oleh Eksekutif Pelaburan Saham kami di Cawangan Jalan Central yang beralamat seperti di atas. Nombor akaun, kod pelanggan dan nombor akaun CDS tuan/puan tidak berubah.

Sekiranya tuan/puan mahu menjalankan aktiviti dagangan saham dengan selesa dari rumah atau tempat kerja atau di mana-mana sahaja, tuan/puan boleh mendaftar untuk perkhidmatan Perbankan Internet kami di mana-mana cawangan kami.

Sekiranya tuan/puan memerlukan bantuan lanjut, sila hubungi Unit Pelaburan Saham bagi Cawangan Kapit kami melalui Nombor Telefon: 084-797693.